

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK  
iBig2 Booster Rider

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iBig2 Booster Rider. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

**1. Apakah produk ini?**

Ini ialah rider potongan unit untuk menawarkan pampasan jika Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum kematangan terma rider. Satu amaun sekali gus yang sama dengan jumlah rider diinsuranskan akan dibayar apabila kematian Orang yang Diinsuranskan atau mengalami HUMK. Rider ini hanya untuk dilampirkan pada TokioMarine-iBig 2 sahaja.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Rider ini melindungi:

- Kematian - RM <Jumlah> (iaitu Jumlah Rider yang Diinsuranskan).
- HUMK - RM <Jumlah> (iaitu Jumlah Rider yang Diinsuranskan).

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 5 tahun pada hari jadi berikut, jumlah yang diinsuranskan tertolak yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan atau mengalami HUMK adalah seperti yang berikut:

Umur Ketika Kematian	Peratusan Jumlah Rider Yang Diinsuranskan Yang Dibayar
1 tahun pada hari jadi berikut	20%
2 tahun pada hari jadi berikut	40%
3 tahun pada hari jadi berikut	60%
4 tahun pada hari jadi berikut	80%
5 tahun ke atas pada hari jadi berikut	100%

Tempoh Perlindungan: Sehingga berlakunya penamatan pelan asas/ rider, pembayaran penuh 100% jumlah rider / asas yang diinsuranskan, tamat tempoh rider atau kematian Orang yang Diinsuranskan, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

Ini merupakan rider potongan unit. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

Caj insurans rider ini akan ditolak dari nilai dana pelaburan anda setiap bulan. Caj insurans akan meningkat apabila umur meningkat. Maklumat lanjut tentang caj insurans rider ini telah ditunjukkan pada ilustrasi Jualan.

**Catatan:**

- Caj insurans yang ditunjukkan di ilustrasi Jualan hanya diguna untuk risiko piawai sahaja.
- Caj insurans bagi rider ini tidak dijamin dan mungkin meningkat semasa pembaharuan. Kami berhak untuk mengubahsuaikan caj ini dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis pemberitahuan kepada pemegang polisi sebelum ulang tahun polisi berikutnya. Kadar yang disemak semula hanya akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi berikutnya.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider ini dengan memulangkan dokumen rider ini dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran dokumen rider kepada anda. Selepas itu, kami akan memulangkan caj insurans rider yang anda bayar, tolak sebarang fi perubatan yang telah kami menanggung semasa mengeluarkan rider ini.
- Nilai Dana - Nilai Dana ILP bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul Nilai Dana di bawah polisi anda.
- Polisi luput - rider akan dibatalkan jika polisi asas luput akibat Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain serta Jaminan Tidak Luput telah dibatalkan.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari awal. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian.

\*Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma and syarat di bawah rider ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?**

Tiada sebarang manfaat akan dibayar jika kematian Orang yang Diinsuranskan adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:-

- Manfaat Kematian
  - Bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
  - percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
  - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
  - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
  - pelayaran kapal selam;
  - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
  - sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
  - peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
  - keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan senarai pengecualian yang lengkap.

This is an illustration only (E & O.E)

Prepared By: TMLM

Date Printed: 20-Jan-2025

A member of the  
Tokio Marine Group

**7 Bolehkah saya batalkan rider ini?**

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, perlindungan akan diberikan sehingga hari sebelum caj insurans bulanan seterusnya perlu dibayar.

**8 Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda supaya memastikan semua surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

**9 Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

**10 Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.**

Sila tanya kami/ ejen kami untuk pelan yang seumpama.

**MAKLUMAT PENTING:**

**ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA PELAN INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.**

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.